

# BUKU PANDUAN GRADUAN

## ISTIADAT KONVOKESYEN KUIS



(365644-V)

KOLEJ  
**UNIVERSITI ISLAM**  
**ANTARABANGSA SELANGOR**

الكلية الجامعية الإسلامية العالمية سيلانجور  
SELANGOR INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE

*Pemangkin Tradisi Ilmu*



Assalamualaikum wrt. wbt

Para Graduan yang Budiman

### ISTIADAT KONVOKESYEN KUIS

Kami ingin merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan saudara/saudari. Istiadat Konvokesyen KUIS akan diadakan di Pusat Konvensyen KUIS (PKK) pada 07 Ogos 2010 bersamaan 26 Syaaban 1431 Hijrah.

#### 1.0 BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN

Borang pengesahan kehadiran graduan perlu diisi dengan lengkap dan dihantar dengan kadar segera. ( Borang dilampirkan bersama buku ini ). Borang Pengesahan kehadiran dan Borang Kajiselidik boleh juga diperolehi melalui email.

NOTA: Sila sertakan nama penuh, no. pelajar dan no. kad pengenalan dan e-mail kepada [konvokuis@gmail.com](mailto:konvokuis@gmail.com).

#### 2.0 RINGKASAN GERAK CARA ISTIADAT

Panduan kepada graduan yang akan mengambil bahagian dalam Istiadat Konvokesyen KUIS

- 2.1 Para graduan dikehendaki berkumpul dengan berpakaian lengkap pakaian akademik graduan di belakang Pusat Konvensyen KUIS pada waktu yang ditetapkan. Para graduan diingatkan supaya tidak melengahkan masa untuk berkumpul.
- 2.2 Semasa proses penyusunan perbarisan graduan, nama akan dipanggil mengikut nombor giliran masing-masing. Nombor giliran boleh diperolehi semasa pendaftaran pengambilan jubah. Semasa dalam barisan, KAD NAMA akan diberi kepada setiap graduan. SILA SIMPAN KAD TERSEBUT DAN BAWA BERSAMA KE ATAS PENTAS.
- 2.3 Semasa istiadat penganugerahan, nama graduan akan diumumkan untuk menerima Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma masing-masing.

Apabila nama graduan diumumkan, graduan diminta berjalan terus ke arah Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor/Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), tunduk sebagai tanda hormat, berjabat tangan dan menerima Sarjana, Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dengan kedua belah tangan dan beri ucapan "Terima Kasih" kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor/Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

### 3.0 SOLAT ZOHOR

Bagi graduan sidang petang, sila pastikan anda mendaftar diri dan mengambil kad nama sebelum menunaikan solat zohor. Sebaik sahaja selesai solat para graduan dikehendaki segera masuk ke dalam barisan mengikut susunan yang telah ditetapkan semasa mendaftarkan diri. Para graduan yang didapati tidak kembali dalam barisan 15 minit selepas solat zohor tidak akan dibenarkan masuk ke dalam dewan.

Tuan/Puan bolehlah berkunjung ke masjid Al-Azhar untuk menunaikan solat atau menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan.

### 4.0 SEWAAN PAKAIAN AKADEMIK GRADUAN

4.1 Bayaran graduasi bagi graduan yang akan hadir ke Majlis Konvokesyen berjumlah RM170.00 sahaja.

4.2 Kadar bayaran bagi graduan yang tidak dapat menghadiri istiadat Konvokesyen berjumlah RM80.00 sahaja.

4.3 Tarikh penyewaan Pakaian Akademik adalah mengikut ketetapan berikut :

Sidang : 1 (PPS, AI & FTSI)  
Tempat : Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS.  
Tarikh : 2-3 Ogos 2010  
Masa : 9.00 pagi - 4.00 petang (REHAT 1.00-2.00)

Sidang : 2 (FPM, FBMK, FSKKS)  
Tempat : Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS.  
Tarikh : 4-5 Ogos 2010  
Masa : 9.00 pagi - 4.00 petang (REHAT 1.00-2.00)

NOTA: Kaunter bayaran Pejabat Bendahari hanya dibuka sehingga 3.00 petang sahaja

#### PERHATIAN

- Sila serahkan kad nombor yang telah diberi.
- Sila pastikan pakaian konvokesyen yang diterima adalah lengkap iaitu jubah, hood dan mortar board
- Graduan hanya dibenarkan mengambil pakaian konvokesyen mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan sahaja.
- Graduan digalakkan mengambil pakaian konvokesyen sendiri untuk menentukan saiz yang sesuai.

NOTA : Borang Sewaan Pakaian Akademik Graduan disertakan dihalaman terakhir.

## 5.0 PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK DAN PENGAMBILAN GAMBAR

5.1 Jubah akademik graduan, mortar board dan hood mestilah dipulangkan di Tingkat 1, Bangunan Pusat Konvensyen KUIS mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Sidang : 1 (PPS, AI & FTSI)  
Tempat : Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS.  
Tarikh : 10 - 11 Ogos 2010  
Masa : 9.00 pagi - 4.00 petang (REHAT 1.00-2.00)

Sidang : 2 (FPM, FBMK, FSKKS)  
Tempat : Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS.  
Tarikh : 12 - 13 Ogos 2010  
Masa : 9.00 pagi - 4.00 petang (REHAT 1.00-2.00)

5.2 Denda akan dikenakan dalam kes-kes berikut:

| BIL. | PERKARA  | KADAR (RM) |
|------|--|------------|
| 1.   | Lewat memulangkan pakaian akademik ( kadar sehari lewat, termasuk hari minggu/cuti am) | 10         |
| 2.   | Denda rosak/hilang jubah   | 300        |
| 3.   | Denda rosak/hilang 'mortar board'  | 70         |
| 4.   | Denda rosak/hilang 'hood'  | 40         |
| 5.   | Denda rosak/hilang semua pakaian akademik  | 350        |

NOTA : Kaunter serahan/ bayaran sewa jubah harian/denda lewat dibuka mulai jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang. Denda lewat turut mengambil kira hari minggu/cuti am.

5.3 Sekiranya anda tidak dapat memulangkan Pakaian Akademik dalam tempoh yang ditetapkan di atas sebab-sebab tertentu, anda boleh mewakilkan kepada orang lain untuk memulangkannya.

## 6.0 TUNTUTAN SKROL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 6.1 Skrol dan Transkrip Akademik boleh diambil selepas selesai semua urusan pemulangan pakaian akademik (mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak kolej universiti).
- 6.2 Bagi graduan yang tidak berkesempatan mengambil Skrol dan Transkrip Akademik atau tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen, ianya boleh dituntut dalam tempoh 90 hari selepas tarikh Istiadat Konvokesyen di Unit Peperiksaan. Pihak Kolej Universiti tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Skrol dan Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan diatas.  
  
Sila kemukakan Resit Rasmi KUIS (bayaran graduasi) apabila berurusan mendapatkan Skrol dan Transkrip Akademik.
- 6.3 Graduan boleh mewakilkan orang lain untuk mengambil Skrol dan Transkrip dengan cara mengemukakan surat perwakilan / kebenaran dan salinan kad pengenalan graduan serta mencatatkan nama dan nombor kad pengenalan orang yang diwakilkan dalam surat perwakilan / kebenaran serta resit bayaran graduan.
- 6.4 Skrol dan Transkrip juga boleh dimohon melalui surat dengan menyertakan salinan kad pengenalan, resit rasmi KUIS (bayaran graduasi) dan alamat terbaru beserta wang pos sebanyak RM5. Harap maklum bahawa pihak kami tidak bertanggungjawab atas kehilangan / kerosakan skrol dan Transkrip yang dituntut melalui pos.
- 6.5 Para graduan sama ada menghadiri Istiadat Konvokesyen atau tidak, dan belum menjelaskan yuran graduan sepertimana yang ditetapkan atau masih belum menjelaskan apa-apa hutang dengan Kolej Universiti, Skrol dan Transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga yuran / hutang tersebut dijelaskan.
- 6.6 Bagi graduan yang tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen, Skrol dan Transkrip tidak diposkan kepada mereka kecuali setelah membuat permohonan secara bertulis mengikut peraturan dalam perkara 6.2, 6.3, 6.4 dan 6.5 di atas.

## 7.0 KEHILANGAN SIJIL AKADEMIK

Polisi KUIS telah menetapkan bahawa Sarjana, Ijazah dan Diploma cuma dikeluarkan sekali sahaja kepada graduan dan tiada sebarang penggantian dibuat sekiranya dokumen ini hilang atau rosak. Oleh itu para graduan dinasihatkan menyimpannya dengan baik dan selamat serta membuat salinan yang mencukupi.

Sekiranya Sarjana, Ijazah dan Diploma hilang atau rosak, pihak Kolej Universiti akan mengeluarkan surat pengesahan sahaja.

## 8.0 KESILAPAN MAKLUMAT DALAM SARJANA, IJAZAH, DIPLOMA DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Sebaik sahaja menerima skrol dan transkrip akademik, setiap graduan perlu menyemaknya untuk mengenalpasti sebarang kesilapan. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat dalam Skrol atau Transkrip Akademik ianya akan diganti baru dengan syarat kesilapan itu berpunca daripada KUIS dan hendaklah dilaporkan secara bertulis dalam tempoh empat (4) minggu selepas tarikh konvokesyen atau 90 hari bagi mereka yang tidak menghadiri konvokesyen. Selepas tempoh ini, Skrol tidak lagi dikeluarkan. Manakala Transkrip Akademik baru boleh dikeluarkan dengan dikenakan bayaran yang ditetapkan dalam para 9.0 buku panduan ini.

## 9.0 TRANSKRIP AKADEMIK

Salinan transkrip seterusnya boleh dikeluarkan dalam tempoh satu minggu selepas menerima permohonan sama ada secara bertulis atau melalui borang permohonan transkrip yang terdapat di Unit Peperiksaan.

Bayaran yang dikenakan untuk satu salinan ialah RM20 ( tambahan RM5 untuk perbelanjaan pos. ) :

Bayaran perlu dibuat secara tunai di Kaunter Kewangan Pejabat Bendahari, KUIS atau melalui bank draf/ wang pos/ kiriman wang pos berpaling dibuat atas nama KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR.

## 10.0 IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR.

| Kelas Kepujian | Himpunan Purata Nilai Gred |
|----------------|----------------------------|
| Pertama        | 3.70 - 4.00                |
| Kedua (Tinggi) | 3.30 - 3.69                |
| Kedua (Rendah) | 2.90 - 3.29                |
| Ketiga         | 2.00 - 2.89                |

## 11.0 RAPTAI

Untuk menentukan supaya Istiadat Konvokesyen berjalan dengan lancar, semua graduan DIWAJIBKAN menghadiri raptai pada 6 oGOS 2010 di Pusat Konvensyen KUIS, jam 8.30 pagi.

## 12.0 KAD JEMPUTAN

Setiap graduan akan diberi satu kad jemputan untuk dua (2) orang tetamu menghadiri Istiadat Konvokesyen KUIS ke-12. Kad jemputan tetamu disertakan bersama surat jemputan. Para tetamu yang tidak membawa kad jemputan tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.

### 13.0 LALUAN MASUK DAN TEMPAT LETAK KERETA GRADUAN

#### 13.1 Laluan Masuk Kenderaan Graduan dan Tetamu Ke Dalam Kampus

Laluan masuk ke dalam KUIS bagi graduan dan ibubapa adalah melalui pintu masuk utama.

#### 13.2 Tempat Letak Kenderaan Graduan, Ibubapa / tetamu graduan

Semua kenderaan graduan, ibubapa/tetamu graduan disediakan di Zon A, Zon B, Padang bola berhampiran Zon B atau sekitarnya yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan KUIS. Sila ikut arahan Pengawal Keselamatan yang bertugas bagi melicinkan urusan meletak kenderaan tuan/puan.

### 14.0 PAKAIAN IBUBAPA/ TETAMU

Ibubapa/tetamu (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas) diminta berpakaian rasmi seperti berikut:-

#### A. Pakaian Tetamu Lelaki:

- i. Kebangsaan, atau
- ii. Batik (Seluar 'Jeans' dan Kemeja-T tidak dibenarkan)
- iii. Suit hitam

#### B. Pakaian Tetamu Wanita:-

- i. Kebangsaan atau
- ii. Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (pakaian gaun atau 'skirt', 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T dan seluar adalah TIDAK DIBENARKAN)

#### PENTING

- Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- Para ibubapa/tetamu yang tidak mematuhi peraturan pakaian boleh dihalang dari memasuki dewan istiadat.

### 15.0 RAWATAN KECEMASAN

Doktor bertugas dari 8.00 pagi hingga 5.30 petang semasa Istiadat Konvokesyen untuk memberi rawatan kecemasan (sahaja) kepada graduan dan juga tetamu graduan. Tempat operasi adalah di tingkat bawah di bangunan Unit Pentadbiran. Sila hubungi urusetia bertugas atau rujuk tanda arah bulan sabit merah sekiranya anda atau keluarga memerlukan rawatan kecemasan. Sekiranya anda atau keluarga mengalami masalah gastrik pastikan anda makan terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan di mana-mana kedai makan atau di kafeteria yang terdapat di KUIS.

#### 15.1 MASALAH KESIHATAN (Graduan kurang upaya/ mengandung)

Sekiranya tuan/puan mengalami masalah kesihatan yang ketara dan bermasalah untuk beratur dan berjalan dalam perbarisan memasuki dewan seperti tidak boleh berjalan, graduan wanita yang mengandung, wanita yang baru lepas bersalin atau memakai kerusi roda, sila lapor kepada urusetia yang bertugas mengatur perbarisan graduan di bangunan atau di pintu masuk Pusat Konvensyen KUIS.

Bagi graduan atau tetamu yang menggunakan kerusi roda, tuan/puan adalah dinasihatkan supaya turun di depan Pusat Konvensyen KUIS dan pemandu kenderaan yang berkenaan diminta terus meletakkan kenderaan di tempat yang telah disediakan.

## 16.0 PAKAIAN PARA GRADUAN

### A. Pakaian Graduan Lelaki:-

- i. Jubah akademik dan mortar board (disediakan oleh kolej Universiti)
- ii. (a) Sepasang Baju Melayu (warna bebas) berbutang lima dan bersamping songket atau  
(b) Suit hitam
- iii. Kasut kulit hitam dan stokin hitam.

### B. Pakaian Graduan Perempuan:-

- i. Jubah akademik dan mortar board (disediakan oleh pihak Universiti).
- ii. Baju kurung moden/ labuh atau jubah. Graduan yang mengandungi boleh memakai pakaian yang bersesuaian.
- iii. Warna pakaian adalah pilihan sendiri. Kain jenis 'lace' boleh dipakai dengan syarat ada 'lining'.
- iv. Kasut kulit hitam.
- v. Tudung putih

## 17.0 PENAMPILAN

### 17.1 Sahsiah Graduan Lelaki:-

Rambut lelaki hendaklah pendek dan kemas, tidak menjejaki kolar baju.

### 17.2 Sahsiah Graduan Perempuan:-

Pakaian hendaklah menepati syariah.

GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPADIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK JAWATANKUASA PETUGAS KHAS / URUSETIA KONVOKESYEN BERHAK UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI ISTIADAT KONVOKESYEN.

## 18.0 PENGAMBILAN GAMBAR ISTIADAT KONVOKESYEN

Para graduan tidak dibenarkan mengambil gambar atau mendapatkan bantuan orang lain untuk berbuat demikian semasa istiadat berlangsung di dalam dewan. Semua gambar semasa Istiadat Konvokesyen akan dikendalikan oleh syarikat fotografi yang dilantik oleh KUIS. Para graduan akan dibekalkan kupon nombor selepas menerima skrol sewaktu Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung sebagai rujukan semasa pembelian gambar.

Bagi graduan yang berminat untuk membeli gambar, ianya boleh dituntut di lokasi yang dicatatkan dibawah dengan membawa kupon nombor tersebut.

NOTA: Tarikh dan lokasi sama seperti tarikh pemulangan pakaian akademik. Sila rujuk perkara 5.1.

## 19.0 RESIT BAYARAN KONVOKESYEN

Resit Rasmi KUIS akan diserahkan kepada graduan setelah graduan membuat bayaran mengikut kaedah bayaran yang telah ditetapkan.

### KAEDAH BAYARAN

Kaedah pembayaran adalah seperti berikut:-

- TUNAI / KAD ATM BANK (MEPS) / KAD KREDIT  
Di kaunter Pejabat Bendahari KUIS

Kaunter bayaran Pejabat Bendahari hanya dibuka sehingga 3.00 petang sahaja.

- SLIP PEMBAYARAN BIL BIMB (LIHAT LAMPIRAN)  
Sila buat bayaran di atas nama KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR, No. Akaun : 12-029-01-005176-4. Satu salinan slip pembayaran hendaklah diserahkan kepada Pejabat Bendahari melalui pos atau fakskan ke no. 03-89253106. Sila catatkan no pelajar di sebelah atas salinan slip sebelum pos atau faks.

(Caj perkhidmatan sebanyak RM0.40 akan dikenakan oleh pihak bank.)

- Bank Draft/Money Order dibuat atas nama KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR.

## 20.0 KAJIAN PENGESANAN GRADUAN IPT (SECARA ONLINE)

Semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor telah diarahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjalankan Kajian Pengesanan para Graduan. Kajian ini adalah untuk mengukur tahap employability dan marketability serta mengumpul maklumat bagi tujuan menilai kualiti program yang ditawarkan dan perkhidmatan yang diberikan oleh setiap IPT.

Semua graduan diwajibkan melengkapkan maklumat Kajian Pengesanan Graduan IPT melalui laman web <http://graduan.mohe.gov.my> yang akan dibuka lebih kurang satu bulan daripada tarikh Istiadat Konvokesyen. Tuan/puan adalah dikehendaki membawa cetakan slip pengesahan kajian yang telah dilengkapi semasa mengambil transkrip dan sijil.

21.0 PERTANYAAN/ MAKLUMAT LANJUT

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Jawatankuasa Graduasi melalui:

Telefon : 03-89254251, ext. 1208, 1209, 1219

Faks : 03-89257677

E-mail : [konvokuis@gmail.com](mailto:konvokuis@gmail.com)

PENTING: SILA RUJUK CARTA ALIR YANG DILAMPIRKAN UNTUK KEMUDAHAN PARA GRADUAN.

Sekian. Sekali lagi ucapan tahniah dan selamat menerima Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma saudara/saudari.

Daripada,

JAWATANKUASA GRADUASI KUIS

## CARTA ALIR GRADUAN

### PROSES PENGAMBILAN PAKAIAN AKADEMIK GRADUAN

PEJABAT BENDAHARI

- Buat bayaran graduasi
- Pastikan bayaran disahkan di Borang JPA 18



KAUNTER URUSETIA GRADUASI

- Serahkan Borang JPA 18
- Serahkan Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan
- \*Serahkan Borang Pengesahan Kehadiran
- \*Serahkan Borang Kaji Selidik
- Kad nombor akan di serahkan

\* Jika masih belum dihantar/diposkan ke Kolej Universiti.



KAUNTER PENGAMBILAN PAKAIAN AKADEMIK

- Serahkan kad nombor kepada urusetia sebelum pengambilan pakaian akademik.

PERHATIAN : SILA AMBIL PERHATIAN, GRADUAN YANG TIDAK MELENGKAPKAN DAN MENYERAHKAN BORANG-BORANG TERSEBUT DI KAUNTER URUSETIA, TIDAK AKAN DIBENARKAN MENGAMBIL PAKAIAN AKADEMIK.

PROSES PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK GRADUAN &  
PENGAMBILAN TRANSKRIP DAN SIJIL AKADEMIK

KAUNTER PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK

- Pastikan jubah, mortar board, dan hood dalam keadaan baik
- Borang denda akan di beri jika lewat atau berlaku kerosakan pada pakaian akademik
- Kad nombor akan diserahkan



KAUNTER URUSETIA GRADUASI

- Serahkan kad nombor pada urusetia
- Urusetia akan membuat semakan tunggakan yuran pengajian. Jika ada, graduan perlu menjelaskan tunggakan terlebih dahulu.
- Transkrip dan Sijil akan diserahkan kepada graduan

PERHATIAN: WAKIL GRADUAN JUGA MELALUI PROSES YANG SAMA. SILA RUJUK PANDUAN  
ISTIADAT KONVOKESYEN DALAM PERKARA 5.3 DAN 6.3.

CARTA ALIR BAGI GRADUAN YANG TIDAK DAPAT HADIR KE MAJLIS KONVOKESYEN

UNIT PEPERIKSAAN

- Ambil Borang Pengambilan Sijil dan Transkrip Akademik (Borang TH- Konvo)



PEJABAT BENDAHARI

- Buat bayaran graduasi dan tunggakan yuran (Jika ada)
- Sahkan bayaran di borang TH- Konvo



UNIT PEPERIKSAAN

- Serahan borang TH- Konvo
- Pengambilan Transkrip dan Sijil Akademik

PERHATIAN: WAKIL GRADUAN JUGA MELALUI PROSES YANG SAMA. SILA RUJUK PANDUAN ISTIADAT KONVOKESYEN DALAM BIL .6.3.

## CARTA ALIR PERARAKAN MASUK GRADUAN KE PUSAT KONVENSYEN

BELAKANG PUSAT KONVENSYEN

- Berkumpul di kanopi mengikut fakulti.
- Beratur mengikut program pengajian. Pastikan tag nama (diberi semasa pengambilan pakaian akademik) dibawa bersama.



PUSAT KONVENSYEN

- Tunggu arahan masuk daripada Jawatankuasa Protokol.
- Pastikan graduan duduk di kerusi yang telah ditetapkan dengan tertib dan teratur.



PENGAMBILAN SKROL

- Keluar dewan mengikut program pengajian dengan senyap dan tunggu arahan daripada petugas.
- Duduk di kerusi semula selepas mengambil skrol dan tunggu sehingga majlis tamat.



KELUAR DEWAN

- Keluar dewan dengan tertib selepas tamat majlis.

PERHATIAN: GRADUAN TIDAK DIBENARKAN MEMBAWA MASUK BARANG-BARANG BERHARGA KE DALAM DEWAN. SEKIRANYA BERLAKU KEHILANGAN, JAWATANKUASA PROTOKOL TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB.









Dikeluarkan Oleh :  
Jawatankuasa Graduasi  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

